

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEMBANTU TAMAN/LADANG**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Taman/Ladang Gred G19, G22, G26, G28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah.

3. RINGKASAN TUGAS

Merancang dan menyelaras aktiviti Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan, melaksanakan penyelidikan saintifik mengenai biodiversiti dan memastikan penyelidikan mengikut keperluan semasa atau keperluan jangka panjang, mengawal dan memantau aktiviti penyelidik luar, mengumpul dan mengurus koleksi specimen herbarium dan muzium, membangunkan pengisian pusat pusat maklumat (galeri), menyelaras perancangan aktiviti pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan, merancang pembangunan kebun pemuliharaan ex-situ.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pembantu Taman/ Ladang Gred G19, G22, G26, G28

4.1.1 Aspek Penyelidikan dan Pendidikan

- a. Menjalankan kerja pengumpulan data penyelidikan di lapangan.
- b. Membantu memantau aktiviti penyelidikan saintis luar.
- c. Membantu mendokumentasikan hasil penyelidikan.
- d. Mengendalikan kerja-kerja di herbarium/ muzium/ galeri seperti mengering, mengkatalog, mengkomputer koleksi spesimen dan menyediakan spesimen untuk pameran.
- e. Membantu menyelenggara makmal botani/ zoologi/ marin.
- f. Membantu mengurus dan menyelenggara kebun-kebun ex-situ flora atau fauna di dalam taman.

- g. Membantu melaksanakan kegiatan pendidikan alam sekitar di dalam taman.
- h. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa oleh Pengarah atau pegawai atasan lain.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai di bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- c. Pegawai di Bahagian pengurus dan Operasi.
- d. Unit-unit di Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan.

Luaran

- a. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS).
- b. Kementerian/ jabatan kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan.
- c. Para penyelidik tempatan dan luar negara.
- d. Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara.
- e. Institusi penyelidikan tempatan dan luar negara.
- f. Jabatan dan agensi di bawah KePKAS.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Kawasan semulajadi daratan dan marin.
- b. Meliputi semua stesen utama dan sub-stesen.
- c. Kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi atau zon untuk pelbagai aktiviti pembangunan, zon penyelidikan atau zon perlindungan.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Kebolehan menguruskan aspek berkaitan skop fungsi tugas.
- b. Kemahiran menyesuaikan keperluan penyelidikan dan kaedah penyelidikan yang digunakan.
- c. Bidang sains yang khusus dan berkaitan dengan pemuliharaan biodiversiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Memahami keperluan semasa dan keperluan jangka panjang.
- b. Berkemampuan dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan kerja-kerja di lapangan.
- c. Mempunyai minat dalam pekerjaan dan bidang yang dipertanggungjawabkan.
- d. Mempunyai komitmen yang tinggi kepada jabatan.

Sumber : E-mel dari Taman-Taman Sabah bertarikh 22 September 2012